

41

**SOALAN NO: 23**

**PARLIMEN MALAYSIA**  
**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : Lisan**

**DARIPADA : Tuan Budiman Bin Mohd Zohdi [Sungai Besar]**

**TARIKH : 7 November 2017 (Selasa)**

**SOALAN : (Tuan Budiman Bin Mohd Zohdi) minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan sejauh manakah pemantauan dibuat oleh pihak Kementerian bagi membendung masalah orang tengah yang menjadi punca kenaikan harga barangan segar di pasaran**

## JAWAPAN

**Tuan Yang Dipertua,**

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui agensinya telah mengambil langkah yang berterusan dalam usaha bagi menangani manipulasi orang tengah dalam rangkaian pemasaran. Antara langkah yang telah diambil dalam menangani manipulasi orang tengah adalah:

- i. Mewujudkan 24 buah pusat pengumpulan dan pengedaran melalui Persatuan Nelayan;
- ii. Membina pusat jualan terus 118 buah Pasar Nelayan;
- iii. MOA melalui agensinya seperti FAMA bertindak sebagai pembeli dan pengedar kepada hasil keluaran petani; dan
- iv. menggalakkan petani menjual secara terus kepada pengguna melalui outlet-outlet FAMA seperti Pasar Tani, Gerai Buah-Buahan Segar (GBBS), Agrobazaar Kedai Rakyat (AKR) dan PAKAR.

Kementerian akan sentiasa memantau perkara ini bagi memastikan pengeluar mendapat pulangan yang munasabah dan pengguna mendapat harga yang berpatutan.